

**BUKU PANDUAN LATIHAN INDUSTRI**

**PUSAT LATIHAN MENGAJAR DAN INDUSTRI  
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

**EDISI 2025**

## PRAKATA

*Assalamualaikum w.b.t. dan Salam Sejahtera,*

Syukur Alhamdulillah kerana **Garis Panduan Latihan Industri UPSI Edisi 2025** berjaya dihasilkan. Buku garis panduan ini amat berguna kepada pelajar, Penyelia Industri, Penyelia Akademik, Penyelaras Latihan Industri, dan Majikan di organisasi. Garis panduan ini disediakan berdasarkan **Buku Panduan Latihan Industri Edisi 2022**, dengan beberapa perubahan yang melibatkan peraturan dalam Latihan Industri, pelaksanaan Latihan Industri, serta kriteria kelayakan bagi Penyelia Akademik dan Penyelia Industri.

Dalam merealisasikan hasrat universiti dan pihak kerajaan untuk melahirkan individu yang berpengetahuan, mempunyai kompetensi dalam bidang, berinovasi, kreatif, dan memiliki kemahiran berfikir aras tinggi, aspek Latihan Industri harus menjadi agenda penting dalam melatih pelajar. Hubungan antara Universiti dan Industri hendaklah berasaskan prinsip saling bantu-membantu dalam mencapai objektif Latihan Industri.

Secara umum, Latihan Industri merupakan satu kursus yang menempatkan pelajar di sebuah organisasi untuk menjalankan latihan praktikal yang diselia dalam industri yang dipilih, sama ada di dalam atau luar negara, dalam tempoh yang ditetapkan sebelum mereka dianugerahkan Diploma atau Ijazah Sarjana Muda. Oleh itu, adalah wajar bagi **Garis Panduan Latihan Industri** ditambah baik agar "roh" falsafah Latihan Industri dapat dilaksanakan dengan lebih berkesan.

Setinggi penghargaan dan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat, terutamanya Dekan-Dekan, Timbalan-Timbalan Dekan (Akademik dan Pembangunan Pelajar), Penyelaras Latihan Industri, dan Bahagian Latihan Industri di PuLaMI atas sumbangan dan komitmen yang diberikan. Semoga usaha ini dapat menyumbang kepada kualiti pembangunan akademik di UPSI.

Sekian, terima kasih.

**Pengarah  
Pusat Latihan Mengajar dan Industri  
Universiti Pendidikan Sultan Idris  
2025**

## ISI KANDUNGAN

### PERKARA

### MUKA SURAT

<b>1.0</b>	<b>PENGENALAN .....</b>	<b>1</b>
<b>2.0</b>	<b>OBJEKTIF DAN HASIL PEMBELAJARAN.....</b>	<b>1</b>
2.1	Objektif Latihan Industri.....	1
2.2	Hasil Pembelajaran Latihan Industri.....	1
<b>3.0</b>	<b>PIHAK BERKAITAN.....</b>	<b>1</b>
3.1	Tanggungjawab Pusat Latihan Mengajar dan Industri (PuLaMI) .....	1
<b>4.0</b>	<b>PENGURUSAN LATIHAN INDUSTRI.....</b>	<b>1</b>
4.1	Tanggungjawab Pusat Latihan Mengajar dan Industri (PuLaMI) .....	1
4.2	Tanggungjawab Penyelaras Latihan Industri.....	2
4.3	Tanggungjawab Penyelia Industri.....	2
4.4	Tanggungjawab Penyelia Akademik.....	3
<b>5.0</b>	<b>TANGGUNGJAWAB, SKOP DAN ETIKA PELAJAR.....</b>	<b>3</b>
5.1	Tanggungjawab Pelajar.....	3
5.2	Skop Tugas Pelajar.....	4
5.3	Tatatertib Semasa Menjalani Latihan Industri.....	4
<b>6.0</b>	<b>SYARAT LATIHAN INDUSTRI .....</b>	<b>5</b>
6.1	Syarat Kelayakan Mendaftar LI .....	5
6.2	Pendaftaran Kursus dan Penempatan Latihan Industri.....	6
6.3	Tempoh dan Jam Kredit Latihan Industri.....	6
6.4	Syarat Lulus Latihan Industri.....	8
<b>7.0</b>	<b>PERATURAN LATIHAN INDUSTRI.....</b>	<b>9</b>
7.1	Taklimat Latihan Industri.....	9
7.2	Penempatan Latihan Industri.....	9
7.3	Takwim Latihan Industri.....	11
7.4	Melapor Diri di Organisasi.....	11
7.5	Kehadiran .....	12

7.6	Waktu Latihan Industri.....	12
7.7	Imbuhan atau Elaun .....	12
7.8	Cuti.....	13
7.9	Insuran.....	14
<b>8.0</b>	<b>KES-KES KHAS LATIHAN INDUSTRI .....</b>	<b>14</b>
8.1	Ketiadaan Penempatan .....	14
8.2	Masalah Lapor Diri.....	15
8.3	Ketidakhadiran ke Organisasi .....	15
8.4	Pertukaran Penempatan Latihan Industri .....	15
8.5	Penamatan Latihan Industri .....	16
8.6	Pelanjutan Tempoh Latihan Industri .....	17
8.7	Penangguhan Latihan Industri.....	17
8.8	Kerosakan Harta Benda .....	18
8.9	Kemalangan .....	18
8.10	Lawatan Kerja ke Luar Negara.....	18
8.11	Mewakili Institusi/Negeri/Negara.....	18
<b>9.0</b>	<b>TINDAKAN BAGI KES-KES KHAS.....</b>	<b>18</b>
9.1	Penyeliaan Rentas Latihan Industri.....	19
9.2	Penangguhan Latihan Industri.....	19
9.3	Pelanjutan Tempoh Latihan Industri .....	19
9.4	Pertukaran Penempatan Latihan Industri .....	19
9.5	Gagal Latihan Industri .....	20
<b>10.0</b>	<b>PROSEDUR PELAKSANAAN LATIHAN INDUSTRI .....</b>	<b>21</b>
10.1	Sebelum Latihan Industri.....	21
10.2	Semasa Latihan Industri .....	22
10.3	Selepas Latihan Industri .....	23
<b>11.0</b>	<b>PENYELIAAN DAN PENILAIAN LATIHAN INDUSTRI .....</b>	<b>24</b>
11.1	Penyeliaan .....	24
11.2	Penilaian.....	25

<b>12.0</b>	<b>LAMPIRAN DOKUMEN LATIHAN INDUSTRI .....</b>	<b>28</b>
12.1	Lampiran A : Borang Latihan Industri.....	28
12.2	Lampiran B : Tugas Pelajar.....	38
12.3	Lampiran C : Soalan Lazim .....	45

## SENARAI JADUAL

## MUKA SURAT

Jadual 1	Tempoh dan Jam Kredit Mengikut Program	7
Jadual 2	Tempoh dan Jam Kredit bagi kursus Rehabilitasi Sukan, Kerja Lapangan Berpenyeliaan dan Setara	8
Jadual 3	Gred Penilaian Latihan Industri	9
Jadual 4	Penempatan Latihan Industri	10
Jadual 5	Jumlah Cuti Sakit Berdasarkan Tempoh Latihan Industri	13
Jadual 6	Ringkasan Proses Sebelum Menjalani Latihan Industri	21
Jadual 7	Ringkasan Proses Semasa Menjalani Latihan Industri	22
Jadual 8	Ringkasan Proses Selepas Menjalani Latihan Industri	23
Jadual 9	Jumlah dan Kaedah Penyeliaan Mengikut Tempoh Latihan Industri	24
Jadual 10	Item Penilaian, Penilai dan Peratusan Markah	25

## SENARAI LAMPIRAN

## MUKA SURAT

### Lampiran A: Surat/Borang Latihan Industri

Lampiran A1	Contoh <i>Resume</i>	27
Lampiran A2	Contoh Surat Jaminan Insuran	28
Lampiran A3	Surat Permohonan Penempatan Latihan Industri	29
Lampiran A4	Borang Penerimaan Penempatan Latihan Industri	30
Lampiran A5	Surat Pengesahan Penempatan Latihan Industri	31
Lampiran A6	Borang Akuan Lepas Tanggung	32
Lampiran A7	Borang Laporan Diri	33
Lampiran A8	Borang Permohonan Penambahan Masa Latihan Industri	34
Lampiran A9	Borang Permohonan Penangguhan Latihan Industri	35
Lampiran A10	Borang Permohonan Pertukaran Penempatan Latihan Industri	36

### Lampiran B: Tugas Pelajar

Lampiran B1	Buku Log	37
Lampiran B2	Sampel Buku Log Latihan Industri	40
Lampiran B3	Panduan Format Penulisan Laporan Akhir	41

### Lampiran C: Soalan Lazim

44

## SENARAI SINGKATAN

UPSI	Universiti Pendidikan Sultan Idris
PuLaMI	Pusat Latihan Mengajar dan Industri
LI	Latihan Industri
JHEPA	Jabatan Hal Ehwal Pelajar
JKPU	Mesyuarat Jawatankuasa Peperiksaan Universiti
SSM	Suruhanjaya Syarikat Malaysia

## **1.0 PENGENALAN**

Buku Panduan Latihan Industri ini disediakan oleh Pusat Latihan Mengajar dan Latihan Industri (PuLaMI) bagi memberi panduan tentang pelaksanaan kursus Latihan Industri (LI) yang dijalankan oleh Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI). Buku panduan ini bertujuan memudahkan Penyelaras LI, Penyelia Akademik, Penyelia Industri dan para pelajar untuk memahami peranan masing-masing dalam pelaksanaan LI. Selain itu, buku ini menerangkan tentang syarat, peraturan, pelaksanaan, kaedah penyeliaan dan penilaian. Semua akta-akta, surat pekeliling, surat siaran, arahan serta peraturan berkaitan yang sedang berkuatkuasa perlu dibaca bersama buku panduan ini.

Dasar Latihan Industri Institusi Pengajian Tinggi telah menetapkan LI sebagai salah satu komponen wajib dalam kebanyakan program pengajian di peringkat prasiswazah. Pelajar wajib lulus kursus LI bagi memenuhi syarat penganugerahan di peringkat Diploma dan Ijazah Sarjana Muda /Ijazah Sarjana Muda Pendidikan.

## **2.0 OBJEKTIF DAN HASIL PEMBELAJARAN**

Objektif dan hasil pembelajaran LI adalah seperti berikut:

### **2.1 Objektif Latihan Industri**

- 2.1.1 Mempraktikkan pengetahuan akademik di universiti ke dalam alam pekerjaan sebenar.
- 2.1.2 Meningkatkan kemahiran yang telah dipelajari dalam pelaksanaan tugas yang diberikan.
- 2.1.3 Mempamerkan komunikasi yang berkesan secara menyeluruh di pelbagai peringkat.
- 2.1.4 Mengamalkan etika profesional dalam bidang masing-masing.

### **2.2 Hasil Pembelajaran Latihan Industri**

- 2.2.1 Menghubungkan ilmu yang dipelajari di universiti dengan pengalaman di tempat kerja.
- 2.2.2 Memperoleh pengalaman dan kemahiran yang boleh dimanfaatkan untuk memilih pekerjaan yang sesuai selepas tamat pengajian.



2.2.3 Menambahbaik kemahiran berkomunikasi berkesan secara lisan dan bertulis.

2.2.4 Bertindak secara beretika dalam melaksanakan tugas bagi mencapai matlamat organisasi.

### **3.0 PIHAK BERKAITAN**

Latihan industri melibatkan pelbagai pihak yang memainkan peranan penting:

#### **3.1 Tanggungjawab Pusat Latihan Mengajar dan Industri (PuLaMI)**

3.1.1 Penyelaras LI: Mengurus pelaksanaan latihan industri dan bertindak sebagai penghubung antara pelajar, universiti, dan industri.

3.1.2 Pelajar: Menjalankan tugas yang diberikan oleh organisasi sambil mematuhi garis panduan universiti dan industri.

3.1.3 Penyelia Industri: Membimbing dan menilai pelajar berdasarkan garis panduan LI dan skop bidang pengajian.

3.1.4 Penyelia Akademik: Memantau prestasi akademik pelajar sepanjang latihan dan memastikan pelajar memenuhi objektif pembelajaran.

### **4.0 PENGURUSAN LATIHAN INDUSTRI**

Pentadbiran bagi pelaksanaan Latihan Industri adalah di bawah pengurusan Pusat Latihan Mengajar dan Industri (PuLaMI) yang diterajui oleh Pengarah PuLaMI yang dibantu oleh Timbalan Pengarah Latihan Industri dan Pembantu Tadbir Latihan Industri. Ianya diselaraskan di peringkat Fakulti oleh Penyelaras Latihan Industri yang dilantik oleh pihak jabatan.

#### **4.1 Tanggungjawab Pusat Latihan Mengajar dan Industri (PuLaMI)**

4.1.1 Merangka pelaksanaan LI melalui garis panduan LI.

4.1.2 Menyediakan dokumen rasmi yang diperlukan sepanjang LI berlangsung.

4.1.3 Menguruskan pendaftaran penempatan LI pelajar di dalam sistem UniSIS.

4.1.4 Meluluskan pendaftaran penempatan LI pelajar di dalam sistem UniSIS.

- 4.1.5 Memastikan Penyelaras LI menetapkan Penyelia Akademik dalam sistem UniSIS.
- 4.1.6 Memantau proses memasukkan markah oleh Penyelia Akademik dalam sistem UniSIS.
- 4.1.7 Menyediakan laporan markah dan gred pelajar LI; beserta laporan-laporan lain yang berkaitan, untuk dibentangkan di Mesyuarat Jawatankuasa Peperiksaan Universiti (JKPU).

## **4.2 Tanggungjawab Penyelaras Latihan Industri**

- 4.2.1 Memastikan pelaksanaan LI mengikut garis panduan LI dan takwim yang ditetapkan oleh PuLaMI.
- 4.2.2 Mengenalpasti pelajar yang layak menjalani LI.
- 4.2.3 Memberi taklimat dan penerangan kepada pelajar sebelum LI bermula.
- 4.2.4 Menyelaras penempatan dan kesesuaian organisasi bagi pelajar.
- 4.2.5 Menetapkan Penyelia Akademik bagi setiap pelajar.
- 4.2.6 Merekodkan Borang Lapor Diri pelajar.
- 4.2.7 Memberi nasihat berkaitan dengan permasalahan LI.
- 4.2.8 Melaporkan masalah dan aduan pelajar kepada PuLaMI.
- 4.2.9 Memantau memasukkan markah dan menyelaras markah tersebut di peringkat Fakulti.

## **4.3 Tanggungjawab Penyelia Industri**

- 4.3.1 Memastikan pelajar diberikan tugas mengikut skop bidang pengajian.
- 4.3.2 Membimbing pelajar semasa menjalani LI dalam bidang kepakaran masing-masing.
- 4.3.3 Memantau kehadiran dan kebajikan pelajar.
- 4.3.4 Mengesahkan Buku Log pelajar secara berkala.
- 4.3.5 Melaporkan kepada Penyelia Akademik berkenaan prestasi pelajar.

4.3.6 Menilai kemahiran praktikal, etika profesionalisme dan kemahiran komunikasi pelajar menggunakan Borang Penilaian Penyelia Industri.

4.3.7 Menghantar Borang Penilaian Penyelia Industri melalui platform yang bersesuaian secara terus kepada Penyelia Akademik.

#### **4.4 Tanggungjawab Penyelia Akademik**

4.4.1 Melaksanakan lawatan dan penyeliaan terhadap pelajar di industri.

4.4.2 Membimbing dan memberi panduan kepada pelajar semasa menjalani LI.

4.4.3 Memantau perkembangan pelajar secara mingguan melalui Buku Log dari pelajar melalui platform yang bersesuaian.

4.4.4 Menilai pembentangan LI pelajar menggunakan Borang Penilaian Penyelia Akademik.

4.4.5 Menilai aspek kemahiran kognitif dan komunikasi menggunakan Borang Penilaian Penyelia Akademik.

4.4.6 Mendapatkan laporan akhir pelajar pada minggu terakhir LI.

4.4.7 Mendapatkan markah bagi Borang Penilaian Penyelia Industri dari pihak Industri.

4.4.8 Merekodkan markah LI pelajar di dalam sistem UniSIS.

### **5.0 TANGGUNGJAWAB, SKOP DAN ETIKA PELAJAR**

Semasa menjalani LI, pelajar adalah tertakluk kepada peraturan Universiti serta peraturan organisasi di mana pelajar ditempatkan.

#### **5.1 Tanggungjawab Pelajar**

5.1.1 Mendapatkan penempatan LI.

5.1.2 Laporkan diri di organisasi penempatan pada hari dan masa yang ditetapkan seperti dalam surat tawaran.

5.1.3 Mematuhi dasar, peraturan dan arahan yang telah ditetapkan oleh organisasi dan UPSI.

- 5.1.4 Melaksanakan segala tugas yang diberikan dengan penuh tanggungjawab dan dedikasi mengikut skop bidang pengajian.
- 5.1.5 Memuat naik laporan mingguan dari Buku Log kepada Penyelia Akademik mengikut platform yang ditetapkan.
- 5.1.6 Menjaga nama baik UPSI dan majikan semasa menjalani kursus LI.
- 5.1.7 Menghubungi dan berbincang dengan Penyelia Akademik terlebih dahulu sekiranya berlaku sebarang masalah di tempat LI.
- 5.1.8 Memastikan semua borang berkaitan diisi dan diserahkan kepada pihak berkenaan.
- 5.1.9 Melengkapkan dan menghantar Laporan Akhir dan Buku Log mengikut tarikh ketetapan penyelarasan LI.
- 5.1.10 Pelajar bertanggungjawab untuk memenuhi syarat-syarat LI seperti dalam garis panduan, sekiranya gagal berbuat demikian tindakan tatatertib akan diambil.

## **5.2 Skop Tugas Pelajar**

- 5.2.1 Skop tugas harus memberi peluang kepada pelajar untuk mengaplikasikan pengetahuan dan kemahiran yang dipelajari dalam bidang pengkhususan masing-masing.
- 5.2.2 Persetujuan antara Fakulti dan Organisasi adalah perlu untuk menentukan tugas spesifik pelajar yang menjalani LI.
- 5.2.3 Pelajar perlu mematuhi skop latihan yang ditentukan bagi setiap program pengajian.

## **5.3 Tatatertib Semasa Menjalani Latihan Industri**

- 5.3.1 Pelajar adalah tertakluk kepada Akta Universiti dan Kolej Universiti (Akta 30) dan Kaedah-kaedah Universiti Pendidikan Sultan Idris (Tatatertib Pelajar-Pelajar) 1999 sepanjang menjalani LI.
- 5.3.2 Pelajar juga tertakluk kepada peraturan dan arahan organisasi LI sepanjang tempoh LI.

- 5.3.3 Jika sekiranya terdapat percanggahan antara Akta Universiti dan Kolej Universiti (Akta 30) dan Kaedah- kaedah Universiti Pendidikan Sultan Idris (Tatatertib Pelajar-Pelajar) 1999 dengan peraturan atau arahan tempat di mana latihan itu dijalankan, Akta Universiti dan Kolej Universiti (Akta 30) dan Kaedah-kaedah Universiti Pendidikan Sultan Idris (Tatatertib Pelajar-Pelajar) 1999 hendaklah terpakai.
- 5.3.4 Pelajar hendaklah pada setiap masa menunjukkan tahap disiplin yang tinggi, berkelakuan baik dan bertanggungjawab sepenuhnya kepada organisasi di mana pelajar ditempatkan.
- 5.3.5 Pelajar hendaklah sentiasa berpakaian kemas, rapi dan sopan tertakluk kepada etika pemakaian Universiti/organisasi.
- 5.3.6 Pelajar dilarang membocorkan rahsia dan memberi sebarang maklumat sulit/dalaman pihak organisasi semasa dan selepas menjalani LI.
- 5.3.7 Pelajar dilarang melibatkan diri dalam sebarang aktiviti yang terlarang oleh pihak UPSI dan organisasi LI.
- 5.3.8 Jika sekiranya pelajar terlibat, ditahan dan didakwa dengan sebarang kesalahan jenayah, pelajar boleh digantung pengajian sehingga kes selesai atas nasihat pegawai undang-undang universiti. Pelajar dianggap sebagai menangguh pengajian sehingga kes dimuktamatkan.
- 5.3.9 Jika sekiranya pelajar menghadapi gangguan keselamatan diri dan gangguan seksual, pelajar dinasihatkan untuk melaporkan ke pihak polis dan penyelarass LI.

## **6.0 SYARAT LATIHAN INDUSTRI**

### **6.1 Syarat Kelayakan Mendaftar LI**

- 6.1.1 Pelajar telah menyelesaikan semua kursus yang diwajibkan berdasarkan kepada struktur program pengajian masing-masing (tertakluk kepada kelulusan Dekan Fakulti).
- 6.1.2 Pelajar sihat dari segi fizikal dan mental.
- 6.1.3 Pelajar dilindungi insuran.

- 6.1.4 Memenuhi keperluan khas sekiranya diperlukan oleh industri seperti Kad pendaftaran Personal Binaan (Kad Hijau CIDB), Pas Keselamatan NIOSH, Suntikan Typhoid dan sebagainya.

## 6.2 Pendaftaran Kursus dan Penempatan Latihan Industri

Pelajar perlu melakukan pra-pendaftaran kursus dan pendaftaran penempatan sebelum menjalani LI.

### 6.2.1 Pra-Pendaftaran Kursus

- Pelajar perlu membuat pra-pendaftaran kursus LI melalui sistem UniSIS pada minggu ke-11 dalam **satu (1) semester** sebelum LI bermula.
- Kegagalan membuat pra-pendaftaran kursus LI akan mengakibatkan kegagalan dalam pendaftaran penempatan LI.
- Pelajar tidak dibenarkan mendaftar kursus lain ketika menjalani LI kecuali Latihan Mengajar (LM) sahaja. Namun ianya tertakluk kepada hebahan semasa.

### 6.2.2 Pendaftaran Penempatan

- Pelajar wajib membuat pendaftaran penempatan melalui sistem UniSIS selewat-lewatnya **dua (2) minggu** sebelum melapor diri di industri.
- Kegagalan membuat pendaftaran penempatan akan menyebabkan masalah bagi penyeliaan dan penilaian LI.

## 6.3 Tempoh dan Jam Kredit Latihan Industri

LI dilaksanakan dalam jangka masa mengikut ketetapan Fakulti:

- 6.3.1 Tempoh LI bergantung kepada struktur program pengajian masing-masing seperti dalam Jadual 1.

- 6.3.2 Tempoh LI bagi program pengajian di UPSI adalah dalam julat 8-24 minggu.

6.3.3 Pengiraan jam kredit adalah mengikut garis panduan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia iaitu 1 jam kredit bersamaan dengan dua (2) minggu LI.

**Jadual 1: Tempoh dan Jam Kredit Latihan Industri Berdasarkan Program**

Kursus Latihan Industri					
Fakulti	Kod Program	Program Diploma	Kod Kursus	Jam Kredit	Tempoh
Fakulti Pengurusan dan Ekonomi	A2212	Diploma Keusahawanan	PPI1078	8	16 minggu
Fakulti Sains dan Matematik	A2000	Diploma Sains	SUL1016	6	12 minggu
	A2003	Diploma Teknologi Makmal		6	12 minggu
	A2002	Diploma Sains (Matematik)		6	12 minggu
Fakulti Muzik dan Seni Persembahan	A2112	Diploma Muzik	AMI1336	6	12 minggu
	A2125	Diploma Tari	APP1016	6	12 minggu
	A2126	Diploma Teater		6	12 minggu
Fakulti Bahasa dan Komunikasi	A2150	Diploma Bahasa Inggeris	BIK1136	6	12 minggu
Fakulti Sains Sukan dan Kejurulatihan	A2039	Diploma Sains Sukan dan Kejurulatihan	QLI1016	6	12 minggu
Fakulti Komputeran dan Meta-Teknologi	A2160	Diploma Reka Bentuk Permainan	DLI1016	6	12 minggu
	A2813	Diploma Sains Komputer		6	12 minggu
Fakulti	Kod Program	Program Ijazah Sarjana Muda	Kod Kursus	Jam Kredit	Tempoh
Fakulti Seni, Kelestarian dan Industri Kreatif	AC33	ISM Reka Bentuk (Permainan Digital)	MLI40112	12	24 minggu
	AH16	ISM Reka Bentuk (Pengiklanan)		12	24 minggu
	AH17	ISM Reka Bentuk (Animasi)		12	24 minggu
Fakulti Komputeran dan Meta-Teknologi	AC10	ISM Kejuruteraan Perisian (Perisian Pendidikan)	DLI30112	12	24 minggu
Fakulti Bahasa dan Komunikasi	AB14	ISM Komunikasi (Komunikasi Sosial)	BKC31212	12	24 minggu
Fakulti Pengurusan dan Ekonomi	AE02	ISM Perakaunan	PAI40112	12	24 minggu
	AE11	ISM Pentadbiran Perniagaan	PBI40112	12	24 minggu
		(Pengurusan Sumber Manusia)	PBI4018	8	16 minggu
	AE14	ISM Pentadbiran Perniagaan (Perkhidmatan Kewangan)	PFI4018	8	16 minggu
	AE07	ISM Ekonomi (Kewangan)	PEK4016	6	12 minggu
	AE23	ISM Ekonomi (Kewangan Islam)		6	12 minggu

Fakulti Sains Sukan dan Kejurulatihan	AS74	ISM Sains Sukan (Sains Kejurulatihan)	QAL30212	12	24 minggu
			QAL3018	8	16 minggu
Fakulti Muzik dan Seni Persembahan	AA06	ISM Seni Persembahan (Teater)	APC3026	6	12 minggu
	AA56	ISM Seni Persembahan (Tari)		6	12 minggu
<b>Fakulti</b>	<b>Kod Program</b>	<b>Program Ijazah Sarjana Muda Pendidikan / Dengan Pendidikan</b>	<b>Kod Kursus</b>	<b>Jam Kredit</b>	<b>Tempoh</b>
Fakulti Bahasa dan Komunikasi	AT49	ISM Bahasa Arab Dengan Pendidikan	BAI3016	6	12 minggu
	AT50	ISM Bahasa Cina Dengan Pendidikan	BCI3016	6	12 minggu
Fakulti Komputeran dan Meta-Teknologi	AT20	ISMP (Teknologi Maklumat)	DLI4014	4	8 minggu
	AT46	ISMP (Multimedia)		4	8 minggu
	AT47	ISMP (Teknologi Reka Bentuk Berkomputer)		4	8 minggu
Fakulti Sains dan Matematik	AT48	ISM Sains (Matematik) Dengan Pendidikan	SML3014	4	8 minggu
Fakulti Sains Kemanusiaan	AT58	ISM Pengajian Malaysia Dengan Pendidikan	HNL3014	4	8 minggu

**Jadual 2: Tempoh dan Jam Kredit bagi kursus Rehabilitasi Sukan, Kerja Lapangan Berpenyelidikan dan setara**

<b>Kursus Rehabilitasi Sukan, Kerja Lapangan Berpenyelidikan dan setara</b>					
<b>Fakulti</b>	<b>Kod Program</b>	<b>Program Ijazah Sarjana Muda</b>	<b>Kod Kursus</b>	<b>Jam Kredit</b>	<b>Tempoh</b>
Fakulti Sains Sukan dan Kejurulatihan	AS72	ISM Sains Sukan (Rehabilitasi Sukan) Semester 8	QRL3028	8	16 minggu
	AS72	ISM Sains Sukan (Rehabilitasi Sukan) Semester 6	QRL3013	3	6 minggu
Fakulti Pembangunan Manusia	AA16	ISM Psikologi	KST3708	6	12 minggu

## 6.4 Syarat Lulus Latihan Industri

- 6.4.1 Pelajar memenuhi kehadiran sekurang-kurangnya 80% ke atas; dan
- 6.4.2 Pelajar telah diselia dan dinilai oleh kedua-dua penyelia akademik dan industri; dan
- 6.4.3 Pelajar telah menghantar Laporan Akhir dan Buku Log; dan
- 6.4.4 Pelajar memperoleh gred lulus LI, iaitu B dan ke atas (Rujuk Jadual 3).



**Jadual 3: Gred Penilaian Latihan Industri**

Markah	Gred	Nilai Gred	Status
80 - 100	A	4.00	Lulus LI
75 - 79	A-	3.75	
70 - 74	B+	3.50	
65 - 69	B	3.00	
60 - 64	B-	2.75	Gagal LI
55 - 59	C+	2.50	
50 - 54	C	2.00	
45 - 49	C-	1.75	
40 - 44	D+	1.50	
35 - 39	D	1.00	
0 - 34	F	0.00	

*\*gred penilaian tertakluk kepada program masing-masing dan kaedah yang sedang berkuat kuasa*

## 7.0 PERATURAN LATIHAN INDUSTRI

### 7.1 Taklimat Latihan Industri

- 7.1.1 Pelajar diwajibkan menghadiri taklimat LI yang akan diadakan oleh pihak PuLaMI dan Fakulti.
- 7.1.2 Taklimat ini adalah untuk memberi panduan kepada pelajar mengenai etika, peraturan, tindakan disiplin dan tata tertib semasa menjalani LI.

### 7.2 Penempatan Latihan Industri

- 7.2.1 Penempatan pelajar menjalani LI meliputi organisasi yang berada di:
- Dalam negara
  - Luar negara (rujuk Garis Panduan Latihan Industri Antarabangsa 2024)
- 7.2.2 Penempatan LI terdiri dari daripada sektor:

- **Sektor Swasta:** Keutamaan perlu diberikan kepada sektor swasta contohnya seperti Syarikat Berhad (Multinasional), Syarikat Berhad (Tempatan), Syarikat Sdn Bhd dan setara dengannya.
- **Sektor Awam:** Meliputi Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri dan badan Berkanun.

7.2.3 Penempatan LI adalah meliputi negeri-negeri seperti ditunjukkan dalam Jadual 4.

**Jadual 4: Penempatan Latihan Industri**

Negeri yang dibenarkan bagi Latihan Industri	
<ul style="list-style-type: none"> <li>• Kedah</li> <li>• Pulau Pinang</li> <li>• Perak</li> <li>• Selangor</li> <li>• Negeri Sembilan</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Melaka</li> <li>• Johor</li> <li>• Pahang</li> <li>• WP Kuala Lumpur</li> <li>• WP Putrajaya</li> </ul>
Negeri yang dibenarkan bagi kes-kes khas sahaja	
<ul style="list-style-type: none"> <li>• Perlis</li> <li>• Kelantan</li> <li>• Terengganu</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Sabah</li> <li>• Sarawak</li> <li>• WP Labuan</li> </ul>

*\* tertakluk kepada sebarang perubahan dari masa ke semasa*

7.2.4 Pemilihan penempatan LI dalam negara perlu berdasarkan kriteria berikut:

- **Tumpuan Industri:** Penempatan berada di negeri-negeri dengan bandar-bandar besar yang menawarkan peluang latihan yang tinggi.
- **Kesesuaian bidang:** Penempatan bersesuaian dengan bidang pengajian mengikut keperluan program masing-masing.
- **Keselamatan industri:** Persekitaran kerja yang sihat, selamat dan terjamin serta mematuhi Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan.
- **Kemudahan:** Penempatan yang menawarkan kemudahan elaun, penginapan dan/atau pengangkutan.

7.2.5 Pelajar tidak dibenarkan menjalani LI di organisasi berikut:

- **Organisasi tidak berdaftar:** Pelajar tidak dibenarkan menjalani LI di organisasi yang tidak berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM).
- **Organisasi yang meragukan:** Pelajar tidak dibenarkan menjalani LI di organisasi yang tidak jelas, mengelirukan dan mempunyai rekod buruk.
- **Organisasi milik keluarga:** Pelajar tidak dibenarkan menjalani LI di organisasi yang mempunyai pertalian keluarga dan individu yang berkepentingan seperti pemegang saham, syarikat milik keluarga dan setara dengannya.
- **Sekolah di bawah seliaan Kementerian Pendidikan Malaysia:** Pelajar tidak dibenarkan menjalani LI di sekolah harian kecuali di sekolah seni dan sukan negeri dengan kelulusan daripada PuLaMI.
- **UPSI:** Penempatan LI di UPSI tidak digalakkan kecuali untuk kes-kes khas sahaja. Ianya tertakluk kepada keperluan program masing-masing.

7.2.6 Sekiranya penempatan pelajar tidak mengikut ketetapan yang disenaraikan, risiko adalah di bawah tanggungan pelajar. PuLaMI tidak akan bertanggungjawab dalam sebarang isu berbangkit.

7.2.7 Sebarang urusan berkaitan penempatan LI mestilah melalui sokongan penyelarasan LI dengan kelulusan daripada PuLaMI.

### 7.3 Takwim Latihan Industri

7.3.1 Pelajar perlu mematuhi takwim yang ditetapkan oleh PuLaMI dari masa ke semasa.

7.3.2 Pelajar dikehendaki memulakan LI pada tarikh yang ditetapkan seperti dalam takwim semasa. Sebarang perubahan tarikh mula hendaklah mendapat kelulusan PuLaMI.

### 7.4 Melapor Diri di Organisasi

- 7.4.1 Pelajar dikehendaki melapor diri di organisasi LI pada masa dan tarikh yang ditetapkan.
- 7.4.2 Semasa melapor diri, pelajar dikehendaki membawa dokumen-dokumen seperti Surat Penempatan LI, Borang Lapor Diri dan Kad Matrik Pelajar.
- 7.4.3 Pelajar perlu membuat serahan Borang Lapor Diri yang telah disahkan oleh Penyelia Industri kepada Penyelia Akademik dalam tempoh **seminggu** dari tarikh lapor diri.

## 7.5 Kehadiran

- 7.5.1 Pelajar diwajibkan menghadiri LI sepenuhnya secara fizikal mengikut tempoh yang telah ditetapkan bagi setiap program.
- 7.5.2 Pelajar perlu mencapai kehadiran melebihi 80% daripada tempoh LI untuk memenuhi syarat lulus LI. (Rujuk Kaedah Universiti Pendidikan Sultan Idris (Perkara Akademik) Pindaan 2024).
- 7.5.3 Pelajar boleh menjalani LI secara bekerja dari rumah (bukan sepenuhnya) dan secara hibrid, tertakluk kepada kesesuaian bidang program pengajian, keperluan operasi industri, serta syarat badan akreditasi dan badan profesional yang berkaitan dengan program pengajian.

## 7.6 Waktu Latihan Industri

- 7.6.1 Pelajar dikehendaki mematuhi masa bekerja seperti yang ditetapkan oleh Organisasi.
- 7.6.2 Pelajar perlu memaklumkan kepada organisasi sekiranya terpaksa tiba lewat disebabkan perkara yang tidak dapat dielakkan.
- 7.6.3 Pelajar dikehendaki mematuhi jumlah waktu bekerja yang ditetapkan oleh Akta Kerja (Pindaan) 2022, iaitu **45 jam seminggu** tidak termasuk waktu rehat. Namun ianya tertakluk kepada keperluan organisasi selagi ianya munasabah dan tidak melampaui batas.

## 7.7 Imbuan atau Elaun

- 7.7.1 Pihak Universiti tidak menyediakan sebarang pembiayaan kepada pelajar sepanjang tempoh LI.

- 7.7.2 Pelajar boleh menggunakan biasiswa yang diperuntukkan untuk semester tersebut bagi menampung biaya sepanjang tempoh menjalani LI.
- 7.7.3 Pihak industri digalakkan untuk memberi elaun kepada pelajar mengikut kadar yang sesuai dengan organisasi mereka.
- 7.7.4 Namun, imbuhan adalah tertakluk kepada industri. Pelajar tidak dibenarkan meminta sebarang imbuhan, elaun atau upah kecuali ianya merupakan pemberian dari organisasi.

## 7.8 Cuti

### 7.8.1 Cuti Rehat

Cuti Rehat tidak diperuntukkan bagi pelajar yang sedang menjalani LI. Pelajar tidak dibenarkan mengambil cuti rehat sewaktu menjalani LI kecuali dengan kelulusan organisasi.

### 7.8.2 Cuti Peristiwa

Cuti Peristiwa (contohnya seperti cuti tambahan sempena cuti perayaan) yang diberikan oleh pihak organisasi tidak perlu diganti kecuali diminta berbuat demikian oleh pihak majikan.

### 7.8.3 Cuti Sakit/Cuti Kuarantin

Pelajar layak mendapat kemudahan Cuti Sakit/Cuti Kuarantin. Hanya sijil akuan sakit/kuarantin yang disahkan oleh Pegawai Perubatan sahaja yang diterima pakai. Bilangan hari yang diperuntukkan bagi cuti sakit adalah seperti yang dipaparkan di Jadual 5.

**Jadual 5: Jumlah Cuti Sakit Mengikut Tempoh Latihan Industri**

Tempoh LI	Jumlah Maksimum Cuti Sakit
8 minggu	4 hari
12 minggu	5 hari
16 minggu	6 hari
24 minggu	6 hari

Sekiranya pelajar tidak hadir kerana sakit, pelajar dikehendaki mengambil tindakan berikut:

- Menghubungi terus pihak majikan dengan kadar segera bagi memaklumkan ketidakhadiran.
- Menyerahkan Surat Cuti Sakit/Cuti Kuarantin yang diperolehi daripada hospital/klinik kerajaan/klinik panel kepada pihak majikan.
- Merekod hari cuti di dalam Buku Log dan melampirkan salinan Surat Cuti Sakit/Cuti Kuarantin pada ruangan berkenaan.

#### 7.8.4 Cuti Kecemasan

- Cuti Kecemasan merupakan cuti yang terpaksa diambil bagi tujuan dan perkara kecemasan yang datang tanpa dijangka (kematian ahli keluarga, tayar kenderaan pecah, rumah terbakar, bencana dan lain-lain).
- Kelulusan cuti adalah bergantung kepada organisasi.
- Cuti yang diambil perlu digantikan semula sebanyak hari yang diambil.

### 7.9 Insuran

7.9.1 Semua pelajar yang menjalani LI diberikan perlindungan insuran oleh Perlindungan Takaful Berkelompok Pelajar UPSI sehingga tamat tempoh pengajian.

7.9.2 Sebarang urusan berkaitan insuran perlu merujuk kepada Seksyen Kebajikan Pelajar, Bahagian Hal Ehwal Pelajar, UPSI [E-mel: [skpp.bhep@upsi.edu.my](mailto:skpp.bhep@upsi.edu.my)].

## 8.0 KES-KES KHAS LATIHAN INDUSTRI

Semasa menjalani latihan industri, pelajar mungkin menghadapi cabaran tertentu yang memerlukan perhatian khusus. Berikut adalah beberapa kes khas yang sering berlaku semasa latihan industri:

### 8.1 Ketiadaan Penempatan

8.1.1 Pelajar yang belum mendapat penempatan melebihi 2 minggu dari tempoh mula LI perlu memohon **penangguhan semester**.

- 8.1.2 Kelewatan memulakan LI ditempat baharu akan menyebabkan penangguhan pengesahan kelayakan bergraduasi dan kelayakan menghadiri majlis konvokesyen.

## 8.2 Masalah Lapori Diri

- 8.2.1 Sekiranya pihak organisasi memerlukan pelajar hadir lebih awal dari tarikh yang ditetapkan, pihak organisasi hendaklah memaklumkan secara bertulis kepada penyelaras LI.
- 8.2.2 Jika pelajar tidak dapat melapor diri pada tarikh yang ditetapkan, pelajar hendaklah memaklumkan kepada Majikan dan Penyelaras LI program masing-masing secara bertulis dengan kadar segera.
- 8.2.3 Pelajar diminta untuk **menggantikan** ketidakhadiran tersebut bergantung kepada jumlah hari.

## 8.3 Ketidakhadiran ke Organisasi

- 8.3.1 Sekiranya ketidakhadiran pelajar kurang daripada 20% (tidak termasuk jumlah cuti sakit yang diperuntukkan), pelajar perlu **menggantikan** hari tersebut mengikut bilangan hari tidak hadir.
- 8.3.2 Sekiranya ketidakhadiran pelajar melebihi 20% (tidak termasuk jumlah cuti sakit yang diperuntukkan), pelajar disifatkan sebagai tidak memenuhi syarat tempoh LI dan disarankan **menangguhkan pengajian**.
- 8.3.3 Jika ketidakhadiran pelajar adalah kerana alasan yang tidak munasabah, pelajar akan **digagalkan** walaupun ketidakhadiran kurang dari 20%.

## 8.4 Pertukaran Penempatan Latihan Industri

- 8.4.1 Pertukaran penempatan sebelum LI bermula setelah pendaftaran penempatan dibuat di dalam sistem UniSIS perlu mendapatkan **kelulusan** penyelaras LI.
- 8.4.2 Pertukaran penempatan **tidak dibenarkan** setelah pelajar melapor diri di industri. Pertukaran penempatan perlu mendapat kelulusan penyelaras LI dan PuLaMI.

8.4.3 Pertukaran penempatan hanya diberi pertimbangan atas alasan munasabah berserta bukti bagi kes-kes khas seperti:

- kesihatan
- gangguan
- keselamatan
- masalah dalaman organisasi

8.4.4 Bagi pertukaran penempatan kerana kes-kes khas, pelajar perlu **menggantikan baki hari** LI di organisasi baru sehingga memenuhi tempoh yang ditetapkan oleh fakulti bagi syarat bergraduat.

8.4.5 Pelajar yang bertukar tempat latihan dengan sengaja tanpa kebenaran Penyelaras LI dan PuLaMI akan **digagalkan** kursus LI.

## 8.5 Penamatan Latihan Industri

8.5.1 Penamatan LI oleh Majikan

- Sekiranya pelajar diberhentikan berpunca dari masalah disiplin pelajar sendiri dan disertakan dengan bukti yang kukuh, ianya dikira sebagai **gagal LI**.
- Sekiranya pelajar ditamatkan lebih awal dari tarikh sepatutnya disebabkan oleh masalah dalaman organisasi, pelajar perlu segera melaporkan kepada Penyelaras LI supaya **penempatan yang baru** dapat dilakukan bagi menyempurnakan baki tempoh LI.
- Sekiranya pelajar ditamatkan lebih awal dari tarikh sepatutnya disebabkan oleh isu kesihatan, pelajar perlu mengemukakan **penangguhan** kepada Penyelaras LI, Ketua Jabatan dan PuLaMI.
- Sekiranya pelajar ditamatkan lebih awal daripada tarikh yang sepatutnya disebabkan oleh isu prestasi, pelajar perlu mengemukakan **rayuan** kepada Penyelaras LI dan PuLaMI.

8.5.2 Penamatan LI oleh Pelajar

- Pelajar dilarang sama sekali dengan sengaja menamatkan LI lebih awal dari tarikh yang sepatutnya.



- Pelajar yang menamatkan latihan dengan sengaja tanpa kebenaran Penyelaras LI akan **digagalkan** kursus LI.

## 8.6 Pelanjutan Tempoh Latihan Industri

- 8.6.1 Pelajar hanya dibenarkan menjalani kursus LI **melebihi tempoh masa** yang ditetapkan setelah mendapat kebenaran penyelaras LI dan mencapai persetujuan antara pelajar dengan majikan.
- 8.6.2 Sekiranya berlaku sebarang kemalangan dan kecederaan dalam tempoh tersebut, ia adalah dibawah tanggungjawab **majikan dan pelajar** sepenuhnya.
- 8.6.3 Pelajar perlu mengisi Borang Permohonan Pelanjutan Tempoh LI yang ditetapkan selewat-lewatnya **4 minggu** sebelum LI tamat.
- 8.6.4 Pelajar hanya dibenarkan menambah tempoh LI maksimum **2 bulan sahaja** dan ia tertakluk kepada tempoh LI yang ditetapkan.

## 8.7 Penangguhan Latihan Industri

- 8.7.1 Permohonan penangguhan LI boleh dilakukan atas faktor seperti kesihatan, gangguan, keselamatan dan alasan munasabah.
- 8.7.2 Pelajar perlu mengemukakan permohonan penangguhan kepada Ketua Jabatan selewat-lewatnya **minggu ke-3** selepas LI bermula.
- 8.7.3 Pelajar disarankan membuat **penangguhan LI** sekiranya kehadiran di industri **kurang dari 80%** disebabkan oleh perkara seperti berikut:
- Sakit yang kritikal;
  - Mewakili negara dalam acara sukan atau aktiviti yang diarahkan oleh Kerajaan atau Universiti;
  - Mengerjakan umrah / haji dan setara dengannya.
- 8.7.4 Pelajar adalah tertakluk kepada peraturan penangguhan pengajian yang termaktub dalam Kaedah Universiti Pendidikan Sultan Idris (Perkara Akademik) Pindaan 2024.

## 8.8 Kerosakan Harta Benda

- 8.8.1 Sekiranya pelajar diminta menggunakan peralatan yang dianggap bernilai oleh organisasi, pelajar perlu dipantau oleh pihak majikan. Jika tiada pemantauan semasa peralatan digunakan, sebarang kerosakan yang berlaku adalah di bawah **tanggungjawab industri**.
- 8.8.2 Sebarang kerosakan harta benda yang berlaku atas kecuaiian pelajar semasa menjalani LI adalah di bawah **tanggungjawab pelajar**.

## 8.9 Kemalangan

- 8.9.1 Jika berlaku kemalangan semasa LI, pelajar atau wakil pelajar dikehendaki **memaklumkan terus** kepada Penyelaras LI dan dipanjangkan kepada JHEPA untuk tindakan selanjutnya.

## 8.10 Lawatan Kerja ke Luar Negara

- 8.10.1 Sekiranya pelajar perlu membuat lawatan kerja ke luar negara semasa dalam tempoh LI, pelajar perlu mendapatkan **kelulusan** pihak PuLaMI.
- 8.10.2 Pelajar perlu mendapatkan insurans tambahan bersesuaian yang dibiaya oleh pihak organisasi.
- 8.10.3 Pelajar wajib memberi Perakuan Lepas Tanggung (oleh Pelajar dan Ibu Bapa/Penjaga).

## 8.11 Mewakili Institusi/Negeri/Negara

- 8.11.1 Pelajar perlu membuat permohonan **pelepasan LI** kepada PuLaMI dan majikan sekiranya terlibat dalam aktiviti rasmi seperti PALAPES, SUKSIS, SUKIPT, MASUM atau mewakili universiti ke program khas yang setara dengannya.
- 8.11.2 Pelajar perlu **menggantikan** hari tersebut bagi mencukupkan tempoh LI.

## 9.0 TINDAKAN BAGI KES-KES KHAS

Sekiranya pelajar terlibat dengan kes khas, perundingan bersama pihak fakulti dan PuLAMI perlu dibuat sebelum sesuatu tindakan diambil ke atas pelajar.

## 9.1 Penyeliaan Rentas Latihan Industri

- 9.1.1 Pihak PuLaMI menekankan penyeliaan rentas dilakukan sekiranya terdapat aduan diterima dari majikan dan pelajar berpotensi untuk gagal.
- 9.1.2 Sebarang pertukaran penempatan LI memerlukan seliaan rentas terlebih dahulu dari Ketua Jabatan/wakil dan mendapat kelulusan dari pihak PuLaMI.

## 9.2 Penangguhan Latihan Industri

- 9.2.1 Pihak PuLaMI akan **menangguhkan** kursus LI seseorang pelajar sekiranya pelaksanaannya **bertindih** dengan kursus akademik lain kecuali mendapat kelulusan Dekan Fakulti.
- 9.2.2 Pihak PuLaMI akan **menangguhkan** kursus LI pelajar yang tidak dapat menyempurnakan tempoh LI pada masa yang ditetapkan sebelum mesyuarat pengesahan markah.
- 9.2.3 Penangguhan hanya dibenarkan untuk **satu (1) semester**. Sekiranya pelajar memerlukan penangguhan melebihi **dua (2) semester berturut-turut**, ianya tertakluk kepada pertimbangan dan kelulusan Pengarah PuLaMI.

## 9.3 Pelanjutan Tempoh Latihan Industri

- 9.3.1 PuLaMI berhak menetapkan keperluan untuk pelanjutan tempoh atau sebaliknya.
- 9.3.2 Pihak PuLaMI tidak akan mempertimbangkan pelanjutan LI sekiranya status pelajar telah layak konvokesyen.

## 9.4 Pertukaran Penempatan Latihan Industri

- 9.4.1 Pihak PuLaMI berhak untuk **menarik balik** penempatan LI pelajar di industri ketika dalam tempoh LI dan membuat penempatan yang baru sekiranya terdapat keperluan atau atas faktor-faktor yang tidak dapat dielakkan.

9.4.2 Pihak PuLaMI tidak akan mempertimbangkan pertukaran penempatan sekiranya pelajar telah menjalani LI melebihi separuh dari keseluruhan tempoh LI.

## 9.5 Gagal Latihan Industri

9.5.1 Pelajar digagalkan sekiranya:

- Memperoleh **gred B-** dan ke bawah (Rujuk Jadual 3).
- **Tidak menjalani LI** dan tiada rekod penangguhan setelah membuat pendaftaran kursus.
- Menjalani LI **kurang daripada 80% kehadiran** berdasarkan tempoh LI yang ditetapkan oleh program dengan sengaja tanpa alasan yang munasabah (Rujuk perkara 8.3.3).
- **Menamatkan LI lebih awal** dari tempoh sepatutnya dengan sengaja tanpa kelulusan pihak PuLaMI (Rujuk perkara 8.5.2).
- **Menukar penempatan** tanpa kelulusan pihak PuLaMI (Rujuk perkara 8.4.5).
- Pelajar yang didapati menjalani LI di organisasi yang mempunyai **pertalian keluarga** dan individu yang berkepentingan (Rujuk perkara 7.2.4).
- Melakukan aktiviti **pemalsuan dokumen** atau maklumat berkaitan dengan LI seperti; memalsukan surat tawaran, kehadiran, sijil cuti sakit dan laporan kesihatan.
- Melakukan **plagiat** terhadap dokumen seperti buku log, laporan akhir dan tugas khas.
- **Tidak menghantar Laporan Akhir dan Buku Log** sehingga tarikh yang ditetapkan.
- **Diberhentikan oleh majikan** berpunca dari masalah disiplin pelajar sendiri dan disertakan dengan bukti yang kukuh.

9.5.2 Pelajar yang memperoleh gred gagal, iaitu gred B- dan ke bawah hanya dibenarkan mengulang sebanyak **satu (1) kali** sahaja.

9.5.3 Pelajar adalah Diberhentikan (DB) jika:

- Pelajar masih memperoleh gred B- dan ke bawah setelah mendaftar dan mengikuti sebanyak **dua (2) kali akan diberhentikan (DB)** (Rujuk Kaedah Universiti Pendidikan Sultan Idris (Perkara Akademik) Pindaan 2024).

9.5.4 Pelajar berhak mengemukakan rayuan secara bertulis kepada fakulti dan PuLaMI dalam tempoh 14 hari daripada tarikh keputusan cadangan gagal diumumkan.

## 10.0 PROSEDUR PELAKSANAAN LATIHAN INDUSTRI

### 10.1 Sebelum Latihan Industri

Jadual 6: Proses Sebelum Menjalani Latihan Industri

Perkara	Tanggungjawab	Dokumen
<b>1:</b> Pelajar <b>menghadiri taklimat LI dan memahami</b> Buku Garis Panduan Latihan Industri UPSI.	Pelajar LI Penyelaras LI	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Slaid taklimat</li> <li>• Buku Panduan LI</li> </ul>
<b>2:</b> Pelajar <b>membuat pra pendaftaran kursus LI</b> (satu semester sebelum LI).	Pelajar LI	UniSIS pelajar
<b>3:</b> Pelajar <b>memohon</b> penempatan LI dari syarikat yang berkaitan dengan bidang.	Pelajar LI	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Surat Permohonan Penempatan LI</li> <li>• Resume</li> <li>• Portfolio</li> </ul>
<b>4:</b> Pelajar <b>ditemu duga atau disaring</b> oleh syarikat.	Pelajar LI Pihak Industri	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Resume</li> <li>• Portfolio</li> </ul>
<b>5:</b> Pelajar <b>mendapat maklum balas</b> dari syarikat. Jika tiada, pelajar perlu <b>membuat susulan (follow-up)</b> dengan pihak syarikat.	Pelajar LI	Surat Tawaran
<b>6:</b> Jika ditolak, pelajar perlu <b>memohon semula</b> kepada syarikat yang lain.	Pelajar LI	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Surat Permohonan Penempatan LI</li> <li>• Resume</li> </ul>

		• Portfolio
<b>7:</b> Jika diterima, pelajar perlu <b>membuat pemilihan</b> sama ada untuk menerima pihak syarikat. Pelajar perlu memilih hanya satu syarikat sahaja dan membuat <b>penolakan</b> kepada syarikat yang lain.	Pelajar LI	Surat Penolakan
